



## PROGRAM MISI AKADEMIK-PPT OUTREACH SPM 2022 DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PAUH JAYA

Nor Hanim Abd Rahman

MISI AKADEMIK-PPT OUTREACH UiTM Cawangan Pulau Pinang 2022, alhamdulillah telah dilaksanakan dengan jayanya pada Jun 16, 2022 dari pukul 08:00 pagi hingga 12:30 tengahari. Aktiviti ini merupakan aktiviti tahunan Misi Akademik (MA) UiTM CPP atas jemputan pihak sekolah untuk membuka kaunter Outreach SPM 2022. Kumpulan sasaran utama MA ini merupakan golongan pelajar-pelajar lepasan SPM 2021 untuk jemputan kemasukan ke UiTM di peringkat Pra-diploma dan Diploma, khususnya. Seramai 33 petugas yang terdiri daripada pensyarah & staf UiTM CPP telah menawarkan diri untuk menjelajah ke 13 buah sekolah bagi mempromosikan program akademik UiTM & Pra Pendidikan Tinggi UiTM ini. Diantara sekolah-sekolah yang mengambil bahagian adalah seperti di bawah:

1. MRSM Merbok	8. SMK Dato Haji Hasan Noh
2. MRSM Kepala Batas	9. SMK Sri Nibong
3. SMK Permatang Tok Jaya	<b>10. SMK Pauh Jaya =&gt; 2 wakil JSKM</b>
4. SMT Tunku Abdul Rahman Putra	11. SMK Teluk Bahang
5. SMK Dato' Haji Ahmad Said	12. SMK Tasek
6. SMK Sungai Acheh	13. SMK Dato Kailan
7. SMK Dato Haji Ahmad Badawi	

Objektif-objektif utama program ini adalah:

- 1) Menerangkan kepada pelajar tentang program yang ditawarkan di UiTM CPP secara khusus dan UiTM secara keseluruhan, serta mempromosikan UiTM agar menjadi pilihan utama generasi muda abad ini.
- 2) Mempromosikan Pra-diploma dan pemberian nombor pin percuma.

- 3) Mempromosikan Program Ekspo Selangkah ke UiTM (ESKU2022) yang bakal diadakan pada Jun 18-19, 2022 di Dewan Besar, UiTM Cawangan Pulau Pinang

Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) juga tidak ketinggalan untuk menabur jasa bakti kepada anak bangsa. JSKM mewakili MA UiTM CPP telah dijemput oleh Pengetua SMK PAUH JAYA untuk mengadakan kaunter pameran di Dewan Terbuka SMK Pauh Jaya yang dihadiri oleh semua pelajar sekolah tersebut. Seramai 2 pensyarah kanan dari Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) iaitu Dr Nor Hanim Abd Rahman dan Puan Rafizah Kechil merupakan wakil misi akademik kali ini. Antara aktiviti yang dilakukan di SMK PJ adalah pameran dan sesi soal-jawab penerangan secara verbal berkaitan risalah-risalah informasi kemasukan pelajar ke UiTM. Penekanan lebih diberikan kepada penawaran nombor pin pra-diploma secara percuma dan kelebihan program tersebut untuk anak-bangsa yang tercicir di SPM atas pelbagai asbab tetapi masih ada minat untuk membaiki diri serta menyambung pembelajaran. Seterusnya mewar-warkan program Ekspo Selangkah ke UiTM 2022 yang akan diadakan pada Jun 18-19, 2022. Secara umumnya, perjalanan program Outreach SPM selama 3 jam di SMK PJ ini telah berlangsung dengan meriah serta mencapai objektif program. Program ini bukan sahaja menarik minat pelajar lepasan SPM 2021, malahan mendapat sambutan yang sangat menggalakan dari pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan 5 yang bersemangat untuk mengatur arah tuju mereka di masa hadapan. Semoga program bermanfaat seperti ini dapat dikekalkan dan diperluaskan.

